



Melalui SL1M kita bukan dilatih untuk mengaplikasi apa yang kita pelajari di universiti sahaja, tetapi turut mengasah dan melatih skil lain seperti komunikasi dan aspek insaniah yang terbukti berguna sebagai nilai tambah kepada pencari kerja”

**Muhammad Syafiq Othman,**  
Alumni SL1M yang kini bertugas di Koridor Utara



SL1M memberi gambaran lebih luas mengenai prospek kerja dan ia tidak tertumpu kepada bidang kelulusan dimiliki, tetapi mencakupi bidang lain seperti usahawan dari industri asas tan”

**Nurul Shuhaiyahasni Mohd Sukeri**  
Graduan Diploma Pengurusan Ladang



Pendedahan melalui karnival SL1M membuka mata saya untuk meneroka bidang baharu selain makan gaji, iaitu melalui keusahawanan dengan mengoptimum kelulusan saya dalam bidang kuliner”

**Fadilah Mat Ali,**  
Graduan

# Karnival SL1M tarik kehadiran lebih 20,000 pengunjung

Penyertaan industri, syarikat swasta, GLC makin bertambah

**Oleh Adha Ghazali**  
adha@bh.com.my

■ Alor Setar

Enganjuran Karnival Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) Zon Utara di Kedah terbukti berjaya apabila menarik kehadiran lebih 20,000 pengunjung sepanjang tempoh dua hari penganjuran pada Jumaat dan Sabtu lalu.

Selain golongan sasar iaitu pencari kerja dari empat negeri di wilayah utara iaitu Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak, karnival menampilkan Program Temuduga Terbuka dan Festival Keusahawanan Industri Asas Tani 2017 itu turut dihadiri pencari kerja dari negeri Pantai Timur, khususnya Kelantan.

Apa yang pasti, penyertaan majoriti khususnya dari industri, syarikat swasta dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang semakin bertambah saban tahun membuktikan penganjuran SL1M benar-benar memberi impak bukan sahaja kepada pencari kerja, malah pihak industri itu sendiri.

Bagi alumni SL1M, Umi Zahira Mohd Mohaiyidin, 28, pendedahan diterima melalui program itu benar-benar membantu dirinya untuk menyelami pasaran kerja de-

ngan lebih yakin, selain memberi nilai tambah kepada personaliti dan kemahiran asas sedia ada.

Beliau yang kini berkhidmat sebagai Eksekutif Kanan Transformasi Pengurusan Pejabat di Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA), mengakui penyertaan dalam program itu membuka matanya untuk menyedari SL1M bukan sekadar platform mencari kerja, sebaliknya lebih besar daripada itu.

“Bagi saya SL1M adalah ‘pintu’ kepada segala peluang bagi pencari kerja, sepanjang mengikuti program disediakan, pelbagai latihan dan pendedahan diterima bukan sahaja memberi kelebihan kepada saya untuk mempunyai pengetahuan dalam bidang kelulusan saya iaitu ekonomi, malah turut membantu memberi cukup keyakinan untuk menyertai bidang lain berkaian industri kejuruteraan, pengurusan dan lain-lain.”

## Terima sesuatu yang baharu

“Cuma satu saranan saya supaya peserta yang hadir buka minda untuk terima suatu yang baharu.. pendedahan melalui SL1M cukup besar dan saya harap graduan yang menyertai program ini benar-benar bersedia sekiranya ingin merentas peluang disediakan,” kata-



**Dr Rahamat Bivi Yusoff**

## Info

### SL1M Zon Utara

- 8,000 peluang pekerjaan sedia direbut
- Lebih 60 syarikat tawar peluang kerja dalam pelbagai sektor
- 280,000 graduan direkod menganggur seluruh negara
- Lebih 70 gerai keusahawanan dan asas tani sebagai inspirasi kepada pencari kerja



Orang ramai yang hadir di Temuduga Terbuka SL1M Zon Utara di Stadium Sultan Abdul Halim, Jalan Suka Menanti.

nya yang juga lulusan Ijazah Sarjana Ekonomi dari Universiti Putra Malaysia (UPM).

Umi Zahira yang menyertai SL1M pada 2013 adalah antara lebih 99,000 pemohon kerja yang sudah dibantu melalui program itu sehingga Disember 2016 dan angka kejayaan itu akan terus meningkat melalui siri penganjuran karnival yang akan diteruskan oleh Unit Perancang Ekonomi (UPE) di Jabatan Perdana Menteri (JPM).

## Sedia 8,000 peluang kerja

Ketua Pengarah UPE di JPM, Datuk Seri Dr Rahamat Bivi Yusoff, berkata sebagai pengajur pihaknya sentiasa komited untuk membawa lebih banyak syarikat dalam pelbagai bidang untuk memberi lebih peluang kepada pencari kerja dan penganjuran di Kedah bagi zon utara cukup membanggakan.

“Kita sudah anjurkan program ini sejak 2011 dan peluang pekerjaan semakin bertambah.. jadi kita galakkan lebih banyak sektor swasta untuk turut serta selain syarikat GLC dan lain-lain.”

“Di Kedah kita bukan sekadar sediakan peluang pekerjaan, tetapi juga peluang lain.. skim latihan yang kita anjurkan bukan untuk golongan graduan Ijazah ke atas sahaja, tetapi

ada juga untuk lulusan PMR (Penilaian Menengah Rendah) dan SPM (Sijil Pelajaran Malaysia) serta institusi latihan seperti Giat Mara, Kolej Komuniti dan sebagainya,” katanya ketika ditemui selepas perasmian SL1M Zon Utara.

Perasmian SL1M Zon Utara yang menyediakan 8,000 peluang pekerjaan melalui lebih 60 syarikat yang menyertainya, disempurnakan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah.

Yang turut hadir ialah Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Usahawan dan Kebajikan Masyarakat negeri, Datuk Suraya Yaacob dan Ketua Sekretariat SL1M, Norashikin Ismail.

Sementara itu, Suraya mengingatkan pengunjung tidak terlalu terikat dengan temuduga kerja, sebaliknya mengambil masa menjelajahi setiap khemah untuk menerokai pelbagai peluang disediakan termasuk latihan sebagai alternatif untuk majukan diri, khususnya melalui keusahawanan dan industri asas tani.

“Banyak lagi peluang disediakan melalui program ini, contohnya MADA (Lembaga Kemajuan Pertanian Muda) tengah cari juruterbang dron dan ia suatu peluang baharu untuk diterokai,” katanya.